



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

HELLO MARKET
SETIA FONTAINES, KEPALA BATAS

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

03 JANUARI 2021 (AHAD)
8.00 PAGI

SETIA EXPERIENCE CENTRE
KEPALA BATAS
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow

Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berbahagia Datuk Koe Peng Kang

Senior EVP

SP Setia Berhad

Encik Lay Hock Peng

Special Coordinating Officer to Penang Chief Minister

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pihak Pengurusan

SP Setia Berhad

Kakitangan-Kakitangan / Pekerja-Pekerja

SP Setia Berhad

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul dalam Program HELLO MARKET, anjuran SP Setia Berhad di *Setia Experience Center*, Kepala Batas. Saya berasa syukur dan bangga kerana program ini masih boleh dijalankan dengan memastikan tatacara atau norma baru perjalanan program diadakan dalam menangani isu pandemik COVID-19 ini. Yang pasti, kita tidak boleh berasa selesa kerana setiap hari masih terdapat kes-kes baru yang terjadi. Justeru, untuk memastikan Pulau Pinang ke arah zon hijau, marilah sama-sama kita mengamalkan norma baru dalam kehidupan kita dengan penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka serta *hand sanitizer*.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Koe Peng Kang, *Senior EVP* SP Setia Berhad dan pihak pengurusan SP Setia Berhad kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dalam program ini.

Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan pegawai beliau, Encik Lay Hock Peng, *Special Coordinating Officer to Penang Chief Minister* kerana sudi hadir bagi menyempurnakan majlis pada pagi ini. Saya juga ucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua Dif-Dif Kehormat dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini. Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi komitmen padu dalam menjayakan program pada hari ini.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berbahagia Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya amat berbangga dengan penglibatan SP Setia Berhad dalam isu-isu pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar dan berkerjasama dengan MBSP serta masyarakat setempat. Syarikat ini telah menjalin kerjasama yang erat dengan MBSP sekian lama dalam melaksanakan pelbagai program yang memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat dan menyumbang kepada pembangunan di

Seberang Perai. Ini merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*).

Antara program yang memperlihatkan penglibatan ketara SP Setia adalah program penanaman pokok secara besar-besaran bersama-sama MBSP. MBSP telah mengadakan tiga program penanaman pokok secara besar-besaran. Kali pertama ianya diadakan adalah Program Penanaman Pokok Teduhan Sempena Hari Kemerdekaan pada 27 Ogos 2017, yang melibatkan penanaman 3,002 pokok teduhan jenis Tecoma (*Tabebuia* sp.) secara serentak di 13 lokasi di seluruh Seberang Perai. Kali kedua diadakan adalah Program Penanaman Pokok Teduhan Dari Jenis *Xanthostemon chrysanthus* (Golden Penda) Sempena Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-61 pada 7 September 2019 di mana sebanyak 5,100 pokok Golden Penda ditanam di 44 lokasi di Seberang Perai.

Program Penanaman Pokok kali ketiga pula diadakan pada 6 Oktober 2019 Sempena Pemasyhuran Majlis Bandaraya Seberang Perai yang melibatkan penanaman 5,555 pokok secara serentak di seluruh Seberang Perai. Salah satu daripada 40 lokasi yang telah dikenalpasti adalah kawasan lapang Setia Fontaines, Bertam, Kepala Batas di mana SP Setia

telah menyumbangkan sebanyak 800 pokok untuk ditanam. SP Setia telah membantu dalam penyediaan ruang hijau dan selamat kepada penduduk dan masyarakat setempat dan mengekalkan udara yang bersih dan persekitaran yang sihat selaras dengan SDG 11: *“Make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable”*; SDG 13: *“Take urgent action to combat climate change and its impact”*; dan dalam mengamalkan 7Ps selaras dengan SDG17: *“Strengthen the means of implementation and revitalise the global partnership for sustainable development”*.

Ini merupakan satu teladan yang baik bagi pemaju-pemaju yang lain. Saya berharap kerjasama ini akan berterusan dan saya juga menyeru agar lebih banyak pemaju tampil ke hadapan untuk bersama-sama bekerjasama dengan MBSP dalam menjayakan pelbagai program-program seumpama ini.

Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada SP Setia Berhad.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berbahagia Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Kerjasama dengan pihak swasta dan masyarakat setempat dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar merupakan satu bentuk *smart partnership* menggunakan konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), Ini adalah untuk memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan, mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang sentiasa saya war-warkan iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover; dan Recycle*.

Dalam pelaksanaan 7Ps, MBSP telah menjalin kerjasama dengan pihak Auto City Juru untuk memberi ruang bagi komuniti memasarkan barangan melalui program Karnival *Upcycle*. Karnival *Upcycle* telah beroperasi selama hampir dua tahun di Auto City pada setiap Sabtu pertama bermula jam 7.00 pagi hingga 10.30 malam. Selain itu, *Grow Community Market* juga diadakan pada setiap Ahad kedua jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program-program ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan di Auto City. Selain daripada penjualan produk

upcycle, mereka juga mendidik warga Seberang Perai supaya barang-barang dibuang boleh di “*Recover*” melalui kreativiti menggunakan semula bahan-bahan buangan. Ini dapat memanjang jangka hayat dan selanjutnya tidak melupus di tapak pelupusan sampah.

Susulan kejayaan Karnival Upcycle ini, pihak Pengurusan Design Village Outlet Mall Batu Kawan telah menunjukkan minat untuk mengadakan program seumpama ini di kawasan mereka. Mereka juga telah menyediakan ruang bagi komuniti memasarkan barangan pada setiap Ahad ketiga jam 11.00 pagi - 10.00 malam.

Kerjasama yang ditunjukkan oleh Autocity Juru, Growth Market dan Design Village dalam mewujudkan platform kepada usahawan-usahawan, petani-petani dan komuniti-komuniti tempatan dalam menghasilkan *homemade products* serta ruang bagi memasarkan produk mereka adalah amat-amat dipuji dan dihargai. Konsep pengumpulan produk-produk *upcycle*, *recycle* dan hasil tempatan di satu tempat adalah satu langkah dalam mengurangkan jejak karbon, dan ini sejajar dengan halatuju Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon pada 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon pada 2030.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berbahagia Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

HELLO Market yang dianjurkan oleh SP Setia Berhad juga menggunakan konsep yang sama dengan program Karnival *Upcycle* dan *Grow Community Market*. *HELLO Market* yang bermaksud **H- Health, E – eco, L- lifestyle, L- leisure, O- opportunity** adalah merupakan pasar tumpuan kasual yang akan memberi manfaat kepada orang ramai. *HELLO Market* adalah merupakan satu bentuk kerjasama antara SP Setia Berhad dan Pusat Pentadbiran Penyelaras Khas Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang dan masyarakat setempat di sekitar Setia Fontaines dari Kepala Batas, Bertam, Pinang Tunggul dan lain-lain. Secara tidak langsung, ini adalah salah satu cara kita boleh mempromosikan *Circular Economy*.

Matlamat *HELLO Market* adalah untuk memberi peluang kepada masyarakat, petani dan pengusaha kuih, kraftangan dan sebagainya untuk mempromosikan dan menjual secara langsung kepada pengguna. Ini akan memberi peluang kepada petani dan pengeluar kecil untuk menjual dengan harga yang lebih baik, ini juga akan memberi manfaat kepada pembeli untuk memiliki akses langsung ke hasil dan produk tersebut. Ini akan saling

menguntungkan kedua-dua belah pihak. Oleh itu, niat "harga yang lebih rendah, kesegaran dan peluang bersama" akan tercipta.

Bagi peringkat permulaan, SP Setia menjangkakan penjualan buah-buahan dan sayur-sayuran segar yang dibawa dari Pinang Tunggal dan beberapa barangan dan minuman buatan sendiri yang akan dipamerkan. Hasil yang terkenal seperti jambu batu, nangka, jagung, peria, kacang panjang dan lain-lain. Pada masa akan datang, SP Setia merancang untuk menambah lebih banyak peniaga dari seluruh wilayah untuk berniaga di *HELLO Market*. SP Setia juga merancang untuk menjadikan program *HELLO Market* sebagai acara bulanan sekali pada setiap pagi Ahad pertama.

Ini merupakan satu program yang kreatif yang membantu serta member manfaat kepada pengusaha dan peniaga untuk mempamerkan serta menjual hasil tani serta produk mereka tanpa orang tengah. Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan SYABAS dan TAHNIAH kepada SP Setia Berhad yang berjaya memperkenalkan *HELLO Market*.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berbahagia Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Sebelum saya mengakhiri kata-kata saya, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang bertungkus lumus bagi menjayakan Program HELLO Market. Terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Koe Peng Kang, *Senior EVP* SP Setia Berhad dan pihak pengurusan SP Setia Berhad atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam menjayakan pelbagai program dan aktiviti bersama MBSP. Saya mendoakan kejayaan kepada anda semua terutamanya dalam pelaksanaan program HELLO Market ini.

Saya berdoa dan berharap agar rakyat Seberang Perai akan hidup aman, makmur, sejahtera dan menjadi masyarakat pintar yang menghuni Bandar Pintar. Jadikan cabaran pemangkin semangat untuk kita terus berjuang menjadikan “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*” atau “Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan”.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa kerjasama dan komitmen daripada penduduk Seberang Perai, organisasi-organisasi atau agensi kerajaan dan swasta adalah amat diperlukan oleh MBSP. Tanpa Smart Partnership, saya

yakin hasrat untuk mencapai *Low Carbon City* dan *Smart City* pada tahun 2022 adalah sukar. Justeru, saya ingin menjemput dan mengalakkan lagi lebih banyak agensi-agensi swasta dan kerajaan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah bandaraya rendah karbon. MBSP juga akan sentiasa memastikan bahawa kita seiring dengan hasrat *Penang2030*. Oleh itu, marilah sama-sama kita berganding bahu bagi mencapai **Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**.

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You

Sekian, *Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*